

Rebut peluang masuk IPTA

• Oleh Berita Harian-Noor Mohamad Shakil Hameed -8 April 2026, @ 6:09 pm

Keputusan SPM 2025 menunjukkan peningkatan pencapaian dengan Gred Purata Kebangsaan (GPK) 4.42 berbanding 4.49 pada tahun sebelumnya, walaupun jumlah calon cemerlang sedikit menurun kepada 13,779 orang. Situasi ini menandakan prestasi keseluruhan pelajar semakin baik dan membuka ruang luas kepada lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) turut menyediakan puluhan ribu tempat di institusi pendidikan tinggi awam, sekali gus memberi peluang kepada pelajar untuk memilih laluan pengajian yang sesuai dengan kelayakan dan minat masing-masing.



Namun, pelajar dan ibu bapa sering berdepan dilema dalam membuat pilihan bidang dan institusi, sama ada mengikut minat atau kelayakan akademik. Justeru, calon disarankan mendapatkan pandangan daripada guru, kaunselor dan keluarga sebelum membuat keputusan. Selain itu, bidang yang mempunyai permintaan tinggi seperti teknologi maklumat dan pertanian wajar dipertimbangkan, termasuk peluang yang ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan yang tepat bukan sahaja membantu pelajar mencapai cita-cita, malah menyumbang kepada pembangunan masa depan negara.